

KAJIAN TAHAP KEFAHAMAN MASYARAKAT ISLAM B40 TERHADAP SKIM PEMBIAYAAN PATUH SYARIAH MOTORSIKAL BERKUASA RENDAH DI KEDAI MOTOR

HAIRULLFAZLI MOHAMMAD SOM

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor

MOKTHAR HJ ISMAIL

Fakulti Pengurusan dan Muamalat
Universiti Islam Selangor

MOHD KAMARUL KHAIDZIR MOHD SAADAN

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor

MOHD ISA MOHD DENI

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor

ABSTRAK

Permintaan pengguna untuk motosikal dengan enjin berkapasiti bawah 200 sentimeter padu amat tinggi. Terdapat dua kaedah dalam urusan jual-beli motosikal iaitu secara tunai atau hutang. Kajian ini menilai dan menganalisis tahap kefahaman golongan penunggang motorsikal kategori B40 terhadap hukum jual beli secara hutang dan skim pembiayaan jual beli motosikal yang sedia ada. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemahaman masyarakat B40 terhadap aspek-aspek syarak ini agak sederhana dan tidak optima kerana kebanyakan dari mereka memandang pemilikan motosikal sebagai keperluan lebih penting dalam kehidupan seharian. Dengan memahami tahap kefahaman ini, langkah-langkah pendidikan dan kesedaran boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kefahaman terhadap aspek syariah dalam pembiayaan motosikal, sekaligus memberi mereka pilihan yang lebih selaras dengan nilai syarak.

PENDAHULUAN

Kajian ini memfokuskan tahap kefahaman golongan penunggang motorsikal kategori B40 terhadap jenis dan status pembiayaan motosikal. Matlamat kajian ini adalah untuk menilai tahap kefahaman masyarakat B40 terhadap hukum jual beli motosikal secara hutang, kajian ini juga menilai tahap kefahaman masyarakat B40 terhadap skim pembiayaan jual beli motosikal yang sedia ada ditawarkan kepada orang ramai.

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian lapangan dengan mendapatkan maklumat berkaitan tahap kefahaman pemilik motorsikal. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan maklumat di lapangan

LATAR BELAKANG KAJIAN

Motosikal ditakrifkan sebagai sebuah kenderaan beroda dua dengan pelbagai saiz enjin untuk kegunaan oleh seorang atau dua orang penunggang (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017).

Seksyen 5(1)(a) Akta 333, mengelaskan semua kenderaan bermotor yang mempunyai kurang daripada empat roda dengan berat tanpa muatannya tidak melebihi empat ratus lima puluh kilogram sebagai sebuah motosikal.

Terdapat dua kaedah dalam urusan jual-beli motosikal iaitu secara tunai atau hutang. Pengguna yang mampu membeli motosikal berkuasa rendah secara tunai kebiasaannya terdiri daripada masyarakat berpendapatan sederhana, iaitu penduduk Malaysia dalam kategori M40; dan berpendapatan tinggi, iaitu mereka yang berada dalam kumpulan T20 (Shahriman, 2020; Zulkifli, 2023). Manakala, masyarakat berpendapatan rendah iaitu kategori B40 memilih untuk membeli secara hutang, samada menggunakan pinjaman konvensional maupun pembiayaan patuh syariah (Aiman. A, 2022).

Keperluan mendesak untuk memiliki motosikal khususnya masyarakat yang berpendapatan rendah tidak memberikan pilihan lain kepada mereka melainkan pembelian menerusi pakej pembiayaan sedia ada. Pengguna tiada pilihan yang banyak kerana pihak yang menawarkan pembiayaan sangat terhad. Perkhidmatan yang sedia ada datang dengan syarat-syarat yang ketat dan kadar faedah yang tinggi. Ditambah dengan sedikitnya bilangan pihak yang menyediakan pembiayaan patuh syariah. Pilihan terakhir pengguna ialah dengan menggunakan pembiayaan kedai motosikal yang mengenakan kadar faedah tinggi dan mudah lulus.

PENYATAAN MASALAH

Sukar untuk mengetahui sejauh mana kefahaman masyarakat dari perspektif muamalat Islam terhadap pembiayaan motosikal berkuasa rendah sedia jika tiada sebarang kajian dibuat. Ini kerana pembelian motosikal merupakan keperluan untuk berkenderaan bagi memudahkan urusan seharian dengan cara yang paling cepat dan murah. Kecenderungan untuk memiliki motosikal tanpa mengambilkira soal patuh syariah atau tidak berlaku kerana apa yang lebih penting adalah memilikinya sebagai keperluan yang agak mendesak.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai dua objektif utama, seperti berikut:

- i. Menilai tahap kefahaman masyarakat B40 terhadap hukum jual beli secara hutang
- ii. Menilai tahap kefahaman masyarakat B40 terhadap skim pembiayaan jual beli motosikal

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang cuba dirungkaikan di dalam kajian ini adalah:

- i. Bagaimanakah tahap kefahaman masyarakat B40 terhadap hukum jual beli secara hutang?
- ii. Bagaimanakah tahap kefahaman masyarakat B40 terhadap skim pembiayaan jual beli motosikal?

METODOLOGI KAJIAN


Penyelidikan ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kajian tinjauan (*survey research*). Pengumpulan data dibuat secara atas talian menggunakan borang soal selidik berpiawaian (*standardized*) yang telah disediakan oleh penyelidik dengan mengambil kira pelbagai sumber ulasan literatur yang tersedia dalam pangkalan data artikel penyelidikan.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian menggunakan kaedah soal selidik yang diedarkan melalui *Google Form*. Bagi menyokong keperluan kajian ini, maklumat juga diperolehi melalui temubual dengan pemilik atau pengurus kedai kedai motosikal yang terpilih.

PROSES PELAKSANAAN KAJIAN

Secara ringkasnya, kajian ini dilaksanakan mengikut langkah-langkah yang terdapat dalam Rajah 3.1 berikut:



Rajah 1 : Langkah dilaksanakan dalam proses melengkapkan kajian tinjauan (*survey research*)

Nota: Digunapakai dari Tomljenovic & Marusic, 2010

INSTRUMEN KAJIAN

Borang soal selidik bagi kajian ini telah disemak dan disahkan oleh pakar dalam Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) iaitu Dr Fakri Bin Sungit, Universiti Islam Selangor (UIS). Bagi tujuan kutipan data *empirikal*, sebuah borang soal selidik telah disediakan. Borang soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian utama seperti berikut:

- i. Bahagian A : Maklumat Demografi
- ii. Bahagian B : Kefahaman Hukum Jual-Beli Secara Hutang Dalam Islam
- iii. Bahagian C : Kefahaman Terhadap Produk/ Perkhidmatan Pembiayaan Jual-Beli motosikal Berkuasa Rendah
- iv. Bahagian D : Cadangan/ Pendapat.

Soal selidik yang disediakan adalah mudah untuk dilengkapkan kerana menggunakan skala *Likert* pada Bahagian B, dan C. Manakala Bahagian A bersifat kategorikal dan Bahagian D pula bersifat terbuka untuk dijawab secara pilihan oleh responden dengan memberikan pandangan dan cadangan untuk penambahbaikan mengenai perkara yang dikaji. Lampiran A memaparkan borang soal selidik dengan format *Google Form* yang telah disediakan.

Responden telah dimaklumkan bahawa semua data yang diperolehi akan digunakan hanya untuk menganalisis tahap kefahaman orang ramai dengan lebih objektif dan seterusnya mengutarakan penambahbaikan dari aspek kefahaman orang ramai dalam muamalat/ jual beli (secara tunai atau hutang).

TEMPOH MASA EDARAN DAN KUTIPAN DATA KAJIAN

Tempoh soal selidik secara atas talian dilaksanakan bermula 1 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2023 (3 bulan sahaja). Kemudahan *Google Form* digunakan sepenuhnya bagi tujuan kutipan data. Capaian kepada borang soal selidik atas talian telah dikongsi melalui pelbagai media, iaitu seperti emel, kumpulan *WhatsApp* komuniti, dan orang perseorangan.

PESERTA KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang disasarkan kepada orang ramai, terutamanya masyarakat B40 termasuklah pemilik motosikal berkuasa rendah. Seramai 106 responden telah menjawab soalan yang diedarkan. Responden pertama telah memberikan jawapan soal selidik pada 18 Oktober 2023 dan responden terakhir menjawab soal selidik pada 20 Disember 2023.

TEMPOH KAJIAN

Tempoh kajian ini dilaksanakan dari November 2022 hingga Jun 2024. Aktiviti kutipan data melalui soal selidik pula telah dilaksanakan dari 1 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2023 (3 bulan sahaja).

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Data diperolehi berdasarkan hasil soal selidik yang diedarkan menerusi *Google Form*. Kemudahan *Google Form* digunakan sepenuhnya bagi tujuan kutipan data. Capaian kepada borang soal selidik atas talian telah dikongsi melalui pelbagai media seperti emel, kumpulan *WhatsApp* komuniti, dan orang perseorangan.

KAEDAH ANALISIS DATA

Analisis data secara deskriptif telah dilakukan untuk semua data yang diperolehi dari responden. Antara analisis yang digunakan ialah frekuensi (*frequency*), peratusan (*percentage*), dan purata (*mean*). Data dianalisis menggunakan perisian *Google Form*, *Microsoft Excel*, dan juga IBM SPSS versi 23.

KESIMPULAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang bertujuan untuk mengukur tahap kefahaman masyarakat, khususnya golongan B40 yang memiliki motosikal berkuasa rendah, terhadap hukum jual-beli secara hutang dalam Islam dan produk/perkhidmatan pembiayaan yang berkaitan. Borang soal selidik yang digunakan telah disahkan oleh pakar dalaman dari Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Islam Selangor.

Tempoh pengumpulan data dilakukan secara atas talian menggunakan *Google Form* dari 1 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2023, dengan jumlah responden sebanyak 106 orang. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian seperti *Google Form*, *Microsoft Excel*, dan IBM SPSS versi 23.

Kesimpulannya, kajian ini berjaya mengumpulkan data dari responden dalam komuniti masyarakat B40 mengenai kefahaman mereka terhadap aspek-aspek tertentu dalam muamalat Islam, khususnya dalam konteks jual-beli secara hutang dan pembiayaan motosikal. Analisis data yang dilakukan memberikan gambaran yang jelas mengenai persepsi dan kefahaman responden, serta menyediakan platform untuk cadangan dan penambahbaikan di masa hadapan.

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Bab ini membincangkan analisis data dan dapatan kajian yang diperolehi menggunakan aplikasi *Google Form*, *Microsoft Excel*, dan SPSS. Analisis data yang dilaksanakan bersifat deskriptif, iaitu menerangkan data yang berkaitan dengan respondent yang menyertai soalselidik yang telah dilakukan.

Sebagai makluman, responden kajiselidik dibahagikan kepada tiga kumpulan umum berdasarkan tahap pendapatan bulanan masing-masing, iaitu T20 (lebih dari RM11,820), M40 (antara RM5,251 hingga RM11,819), dan B40 (kurang dari RM5,250).

Analisis data dan dapatan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu dapatan secara umum melibatkan semua respondent (seramai 106 orang) dan seterusnya dapatan yang melibatkan responden dari kalangan B40 sahaja (seramai 50 orang responden).

ANALISIS DATA MELIBATKAN SEMUA RESPONDEN


Berikut ialah dapatan dari analisis data yang melibatkan semua responden seramai 106 orang.

MAKLUMAT DEMOGRAFI RESPONDEN

Bahagian A dikhususkan untuk mengumpul data latarbelakang responden. Sebanyak 9 perkara bersifat kategorikal (pilih satu jawapan sahaja) diberikan untuk dijawab oleh responden. Berikut ialah data demografi yang diperolehi hasil dari soal selidik tersebut:

JANTINA

Soal selidik berjaya mengumpul seramai 75 orang responden lelaki (bersamaan dengan 70.8%) dan 31 orang responden perempuan (29.2%). Rajah 4.1 menunjukkan peratus responden mengikut jantina.




Rajah 2 : Peratus responden mengikut jantina

UMUR

Responden terdiri daripada lelaki dan perempuan yang berumur diantara 18 tahun dan 46 tahun ke atas. Mereka dipecahkan kepada empat kumpulan utama seperti berikut:

- 18 hingga 25 tahun.
- 26 hingga 35 tahun.
- 36 hingga 45 tahun
- 46 tahun keatas.


Majoriti responden adalah berumur 46 tahun ke atas iaitu seramai 43 orang (40.6%), diikuti oleh kumpulan 18 hingga 25 tahun iaitu seramai 35 orang (33%). Seterusnya, seramai 18 orang responden berumur 36 hingga 45 tahun (17%) dan 10 orang responden dari kategori umur 26 hingga 35 tahun. Rajah 4.2 menunjukkan peratus responden mengikut umur.



Rajah 3 : Peratus responden mengikut kategori umur

STATUS PERKAHWINAN

Majoriti responden telah berkahwin, iaitu seramai 65 orang (61.3%). Selebihnya masih bujang (40 orang, bersamaan 37.7%) dan seorang responden (0.9%) menyatakan telah berpisah dari pasangannya. Rajah 4.3 menunjukkan peratusan status perkahwinan responden.




Rajah 4 : Peratus status perkahwinan responden

TAHAP PENDIDIKAN TERTINGGI

Kaji selidik yang dilaksanakan berjaya mendapat kerjasama dari responden dengan pelbagai latar belakang pendidikan. Majoriti responden memiliki kelulusan ijazah sarjana muda, iaitu seramai 37 orang (34.9%). Seramai 29 orang memiliki kelulusan diploma (27.4%) dan 22 orang responden (20.8%) memegang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Manakala, seramai 12 orang responden (11.3%) merupakan responden berkelulusan sarjana/ PhD. Selebihnya merupakan lulusan STPM (2 orang, 1.9%) dan lulusan Asasi/ Matrikulasi (4 orang, 3.8%). Rajah 4.4 memaparkan tahap pendidikan tertinggi responden berdasarkan peratusan.




Rajah 5 : Pecahan tahap pendidikan responden (peratusan)

PEKERJAAN RESPONDEN

Kategori pekerjaan responden juga mendapat perhatian dalam kajian ini. Ia dikategorikan kepada empat, iaitu kerajaan, swasta, bekerja sendiri, dan tidak bekerja. Secara umumnya, seramai 37 orang responden (34.9%) tidak bekerja (besar kemungkinan masih aktif sebagai pelajar di institusi pengajian tinggi).


36 orang responden (34%) pula bekerja dengan sektor swasta dan 20 orang responden (18.9%) bekerja dengan agensi Kerajaan Malaysia. Baki seramai 13 orang responden (12.3%) menyatakan bekerja sendiri. Rajah 4.5 memaparkan pekerjaan responden berdasarkan peratus.



Rajah 6 : Pecahan kategori pekerjaan responden (peratusan)

KAUM RESPONDEN

Hampir keseluruhan responden terdiri daripada kaum terbesar di Malaysia, iaitu Melayu. Seramai 104 orang responden Melayu (98.1%) telah terlibat dalam kaji selidik ini. Hanya seorang (0.9%) responden dari kaum Cina. Rajah 4.6 menunjukkan pecahan kaum responden kaji selidik ini mengikut peratusan kaum masing-masing.



Rajah 7: Pecahan kaum responden kaji selidik (peratusan)


Seorang responden (0.9%) memilih jawapan (kaum) lain-lain dalam soal selidik ini. Beliau merupakan Orang Asli Semenanjung Malaysia dari suku Temuan, iaitu orang asli dari jalur Melayu Proto, yang majoritinya terdapat di negeri Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2022).

AGAMA RESPONDEN

Semua 106 responden kaji selidik ini adalah beragama Islam. Hal ini adalah sesuai dengan salah satu objektif kajian ini, iaitu untuk menilai kefahaman orang ramai berkaitan hukum jual-beli motosikal berkuasa rendah secara hutang dalam Islam.

PENGALAMAN MEMBELI MOTOSIKAL

Seramai 67 orang responden (63.2%) menyatakan pernah berurusan membeli motosikal. Ini bermakna, majoriti responden kaji selidik ini mempunyai pengalaman berkaitan urusan jual beli motosikal dalam pasaran. Baki seramai 39 orang (36.8%) menyatakan tidak pernah membeli motosikal. Rajah 4.7 menunjukkan pecahan responden yang pernah dan tidak pernah membeli motosikal.




Rajah 8 : Peratusan responden berpengalaman membeli motosikal

PENDAPATAN BULANAN ISIRUMAH

Dapatan kaji selidik yang dijalankan telah menunjukkan bahawa hampir majoriti responden, iaitu seramai 50 orang (47.2%) adalah terdiri dari individu rakyat yang berada dalam kategori B40 dengan pendapatan isirumah berjumlah kurang dari RM5,250 sebulan.

Sementara itu, seramai 32 orang responden (30.2%) tergolong dalam kategori M40 dengan julat pendapatan diantara RM5,251 dan RM11,819. Selebihnya, iaitu seramai 24 orang responden (22.6%) tergolong dalam kategori T20 dengan hasil pendapatan melebihi RM11,820 sebulan. Rajah 4.8 memaparkan kategori pendapatan isirumah responden (dalam sebulan)



Rajah 9 : Kategori pendapatan isirumah responden (dalam sebulan)

Data berkenaan pendapatan bulanan isirumah responden adalah penting untuk kajian ini kerana ia menggambarkan kuasa membeli dikalangan responden dalam urusan jual beli motosikal.

KEFAHAMAN RESPONDEN MENGENAI HUKUM JUAL BELI SECARA HUTANG DALAM ISLAM

Bahagian B dalam soal selidik yang diedarkan adalah bertujuan untuk mengukur tahap kefahaman responden mengenai hukum jual-beli secara hutang dalam Islam. Borang soal selidik telah menyenaraikan 12 pernyataan mengenai hukum berjual beli secara hutang, iaitu seperti dipaparkan pada Jadual 4.1 berikut:

Jadual 1 : Senarai pernyataan berkaitan hukum jual beli secara hutang dalam Islam

Bil.	Pernyataan
B1	Pembelian secara hutang dengan mengenakan kadar faedah adalah dibenarkan syarak.
B2	Pembelian secara ansuran adalah dibenarkan oleh syarak.
B3	Faedah yang dikenakan dalam pembelian secara hutang adalah dibenarkan syarak, sekiranya faedah tersebut berpatutan.
B4	Penjual berhak mengenakan caj pengurusan kepada pembeli yang berhutang.
B5	Penjual berhak mengurangkan harga (memberikan rebat) sekiranya pembeli membayar ansuran lebih awal.
B6	Penjual berhak menarik balik barang yang dijual sekiranya pembeli gagal membayar dalam tempoh perjanjian.
B7	Pembiayaan patuh syariah untuk orang Islam sahaja.

- B8 Barang diserahkan kepada pembeli sebaik sahaja penyelesaian bayaran penuh hutang.
- B9 Sepanjang tempoh bayaran ansuran, kerosakan barang ditanggung oleh penjual.
- B10 Sepanjang tempoh bayaran ansuran, kerosakan barang ditanggung oleh pembeli.
- B11 Kualiti barang yang dijual secara ansuran mesti dijamin oleh penjual.
- B12 Pembiayaan motor patuh syariah juga ditawarkan oleh koperasi.

Responden telah diminta untuk membaca, memahami, dan seterusnya menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap semua pernyataan (rujuk Jadual 4.1, perkara B1 hingga B12) yang diberikan berdasarkan 5 skala Likert, seperti dinyatakan dalam Jadual 4.2 berikut:

Jadual 2 : Skala Likert yang digunakan dalam soal selidik Bahagian B

1	2	3	4	5
Sangat Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju

Berdasarkan jawapan dari 106 responden, berikut adalah nilai purata (mean score) yang diperolehi untuk setiap pernyataan yang diberikan (sila rujuk Jadual 4.3). Nilai purata minimum yang boleh diperolehi oleh setiap pernyataan adalah 1.00. Manakala, nilai purata maksimum (max. score) yang boleh diperolehi pula ialah 5.00.

Jadual 3 : Nilai purata setiap pernyataan dan nilai purata keseluruhan dalam Bahagian B: Kefahaman Hukum Jual Beli Secara Hutang Dalam Islam

Bil.	Pernyataan	Nilai Purata
B1.	Pembelian secara hutang dengan mengenakan kadar faedah adalah dibenarkan syarak.	2.25
B2.	Pembelian secara ansuran adalah dibenarkan oleh syarak.	3.92
B3.	Faedah yang dikenakan dalam pembelian secara hutang adalah dibenarkan syarak, sekiranya faedah tersebut berpatutan.	2.79
B4.	Penjual berhak mengenakan caj pengurusan kepada pembeli yang berhutang.	3.34
B5.	Penjual berhak mengurangkan harga (memberikan rebat) sekiranya pembeli membayar ansuran lebih awal.	3.97
B6.	Penjual berhak menarik balik barang yang dijual sekiranya pembeli gagal membayar dalam tempoh perjanjian.	3.81
B7.	Pembiayaan patuh syariah untuk orang Islam sahaja.	2.57
B8.	Barang diserahkan kepada pembeli sebaik sahaja penyelesaian bayaran penuh hutang.	3.31
B9.	Sepanjang tempoh bayaran ansuran, kerosakan barang ditanggung oleh penjual.	2.55
B10.	Sepanjang tempoh bayaran ansuran, kerosakan barang ditanggung oleh pembeli.	3.68
B11.	Kualiti barang yang dijual secara ansuran mesti dijamin oleh penjual.	4.34
B12.	Pembiayaan motor patuh syariah juga ditawarkan oleh koperasi.	3.95
Nilai Purata Keseluruhan		3.37

Nota: Nilai purata minimum: 1.00. Nilai purata maksimum: 5.00

Merujuk kepada Jadual 4.3, nilai purata keseluruhan ialah 3.37. Data ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman keseluruhan responden (106 orang) mengenai hukum jual beli secara hutang dalam Islam berada ditahap sederhana.

KEFAHAMAN RESPONDEN TERHADAP PERKHIDMATAN PEMBIAYAAN UNTUK URUSAN JUAL BELI MOTOSIKAL BERKUASA RENDAH

Bahagian C dalam soal selidik yang diedarkan adalah bertujuan untuk mengukur tahap kefahaman responden terhadap perkhidmatan pembiayaan untuk urusan jual beli motosikal berkuasa rendah dalam pasaran.

Borang soal selidik telah menyenaraikan 12 pernyataan mengenai perkhidmatan pembiayaan untuk urusan jual beli motosikal berkuasa rendah, iaitu seperti dipaparkan pada Jadual 4.4 berikut:

Jadual 4 : Senarai pernyataan berkaitan perkhidmatan pembiayaan untuk urusan jual beli motosikal berkuasa rendah

Bil.	Pernyataan
C1.	Terdapat lebih dari tiga sumber untuk mendapatkan perkhidmatan pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual-beli motosikal.
C2.	Pembeli berhak memilih pembiayaan patuh syariah atau pinjaman konvensional dalam urusan jual beli motosikal.
C3.	Maklumat lengkap berkaitan pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual beli motosikal mudah diperolehi.
C4.	Kadar keuntungan yang dikenakan oleh pembiayaan patuh syariah berbeza dengan kadar faedah yang dikenakan oleh pembiayaan konvensional.
C5.	Pembiayaan motor yang ditawarkan secara terus oleh semua kedai ("loan" kedai) berstatus "Patuh Syariah".
C6.	Pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual-beli motosikal lebih menjaga kepentingan pembeli berbanding pinjaman konvensional.
C7.	Pembiayaan jual-beli motosikal secara patuh syariah menjamin hak-hak pembeli dan penjual secara sama rata/ adil.
C8.	Pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual beli motosikal memberikan nilai tambah dari aspek penjimatan wang.
C9.	Proses mendapatkan kelulusan pembiayaan motosikal berkuasa rendah patuh syariah yang disediakan oleh pihak penjual adalah amat mudah.
C10.	Saya memahami sepenuhnya perbezaan diantara pembiayaan patuh syariah dan pinjaman konvensional dalam urusan jual beli motosikal.
C11.	Saya memilih pembiayaan patuh syariah kerana memahami hukum pinjaman berasaskan riba adalah haram.
C12.	Saya memahami semua syarat dan peraturan yang dinyatakan dalam perjanjian pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual beli motosikal.

Seperti di Bahagian B sebelum ini, responden telah diminta untuk membaca, memahami, dan seterusnya menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap semua pernyataan (rujuk Jadual 4.4, perkara C1 hingga C12) yang diberikan berdasarkan 5 skala *Likert*, seperti dinyatakan dalam Jadual 4.5 berikut:

Jadual 5 : Skala Likert yang digunakan dalam soal selidik Bahagian C

1	2	3	4	5
Sangat Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju

Berdasarkan jawapan dari 106 responden, berikut adalah nilai purata (*mean score*) yang diperolehi untuk setiap pernyataan yang diberikan (sila rujuk Jadual 4.6). Nilai purata minimum yang boleh diperolehi oleh setiap pernyataan adalah 1.00. Manakala, nilai purata maksimum (*max. score*) yang boleh diperolehi pula ialah 5.00.

Jadual 6 : Nilai purata setiap pernyataan dan nilai purata keseluruhan untuk perkhidmatan pembiayaan urusan jual beli motosikal berkuasa rendah dikalangan responden

Bil.	Pernyataan	Nilai Purata
C1.	Terdapat lebih dari tiga sumber untuk mendapatkan perkhidmatan pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual-beli motosikal.	3.31
C2.	Pembeli berhak memilih pembiayaan patuh syariah atau pinjaman konvensional dalam urusan jual beli motosikal.	3.68
C3.	Maklumat lengkap berkaitan pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual beli motosikal mudah diperolehi.	3.29
C4.	Kadar keuntungan yang dikenakan oleh pembiayaan patuh syariah berbeza dengan kadar faedah yang dikenakan oleh pembiayaan konvensional.	3.97
C5.	Pembiayaan motor yang ditawarkan secara terus oleh semua kedai (" <i>loan</i> " kedai) berstatus "Patuh Syariah".	2.78
C6.	Pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual-beli motosikal lebih menjaga kepentingan pembeli berbanding pinjaman konvensional.	3.93
C7.	Pembiayaan jual-beli motosikal secara patuh syariah menjamin hak-hak pembeli dan penjual secara sama rata/ adil.	4.20
C8.	Pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual beli motosikal memberikan nilai tambah dari aspek penjimatan wang.	3.58
C9.	Proses mendapatkan kelulusan pembiayaan motosikal berkuasa rendah patuh syariah yang disediakan oleh pihak penjual adalah amat mudah.	3.13
C10.	Saya memahami sepenuhnya perbezaan diantara pembiayaan patuh syariah dan pinjaman konvensional dalam urusan jual beli motosikal.	3.64
C11.	Saya memilih pembiayaan patuh syariah kerana memahami hukum pinjaman berasaskan riba adalah haram.	4.45
C12.	Saya memahami semua syarat dan peraturan yang dinyatakan dalam perjanjian pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual beli motosikal.	3.63
Nilai Purata Keseluruhan		3.63

Nota: Nilai purata minimum: 1.00. Nilai purata maksimum: 5.00

Merujuk kepada Jadual 4.6, nilai purata keseluruhan ialah 3.63. Data ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman keseluruhan responden (106 orang) terhadap perkhidmatan pembiayaan untuk urusan jual beli motosikal berkuasa rendah berada ditahap sederhana.

ANALISIS DATA MELIBATKAN RESPONDEN B40


Bahagian ini disediakan bersesuaian dengan objektif kajian yang ketiga, iaitu menganalisis tahap kefahaman dan sambutan masyarakat B40 (dapatkan dari 50 responden) terhadap skim pembiayaan motosikal berkuasa rendah di kedai motor.

MAKLUMAT DEMOGRAFI RESPONDEN B40

Berikut dibentangkan maklumat demografi responden B40 dalam kajian ini.

JANTINA


Seramai 50 orang responden dari kalangan B40 telah menyertai kajian ini. 33 orang (66%) adalah responden lelaki dan 17 (34%) orang adalah responden perempuan. Rajah 4.9 menunjukkan peratus responden B40 mengikut jantina.



Rajah 10: Peratus responden B40 mengikut jantina

UMUR


Majoriti responden B40 berumur 18 hingga 25 tahun keatas iaitu seramai 25 orang (50%), diikuti oleh kumpulan 46 tahun keatas iaitu seramai 14 orang (28%). Seterusnya, seramai 8 orang responden berumur 26 hingga 35 tahun (16%) dan 3 orang responden dari kategori umur 36 hingga 45 tahun. Rajah 4.10 menunjukkan peratus responden B40 mengikut umur.



Rajah 11 : Peratus responden B40 mengikut kategori umur

STATUS PERKAHWINAN

Majoriti responden B40 masih bujang, iaitu seramai 28 orang (56%). Selebihnya telah berkahwin (21 orang, bersamaan 42%) dan seorang responden (2%) menyatakan telah berpisah dari pasangannya. Rajah 4.11 menunjukkan peratusan status perkahwinan responden B40.




Rajah 12 : Peratus status perkahwinan responden B40

TAHAP PENDIDIKAN TERTINGGI

Majoriti responden B40 memiliki kelulusan SPM (17 orang, 34.9%) dan Diploma (17 orang, 34%). Seramai 13 orang memiliki kelulusan ijazah sarjana muda (26%) dan 2 orang responden (4%) memegang sijil Asasi/ Matrikulasi. Seorang responden B40 (2%) memiliki


Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Rajah 4.12 memaparkan tahap pendidikan tertinggi responden B40 berdasarkan peratusan.



Rajah 13 : Pecahan tahap pendidikan responden B40 (peratusan)

PEKERJAAN RESPONDEN

Seramai 27 orang responden B40 (54%) tidak bekerja (besar kemungkinan masih aktif sebagai pelajar di institusi pengajian tinggi). Manakala, 12 orang responden (24%) bekerja dengan sektor swasta dan 5 orang responden (10%) bekerja dengan agensi Kerajaan Malaysia. Baki seramai 6 orang responden (12%) menyatakan bekerja sendiri. Rajah 4.13 memaparkan pekerjaan responden B40 berdasarkan peratus.



Rajah 14 : Pecahan kategori pekerjaan responden B40 (peratusan)

KAUM RESPONDEN


Seramai 48 orang responden B40 (96%) merupakan orang Melayu, seorang dari etnik Cina Muslim (2%), dan seorang dari etnik Orang Asli Semenanjung (Suku Temuan).

AGAMA RESPONDEN

Semua 50 orang (100%) responden B40 dalam kajiselidik ini mengganut agama Islam.

PENGALAMAN MEMBELI MOTOSIKAL

Seramai 28 orang responden B40 (56%) menyatakan pernah berurusan membeli motosikal. Ini bermakna, majoriti responden B40 dalam kaji selidik ini mempunyai pengalaman berkaitan urusan jual beli motosikal dalam pasaran. Baki seramai 22 orang (44%) menyatakan tidak pernah membeli motosikal. Rajah 4.14 menunjukkan pecahan responden B40 yang pernah dan tidak pernah membeli motosikal.



Rajah 15 : Peratusan responden B40 berpengalaman membeli motosikal

KEFAHAMAN RESPONDEN B40 MENGENAI HUKUM JUAL BELI SECARA HUTANG DALAM ISLAM

Responden B40 telah diminta untuk membaca, memahami, dan seterusnya menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap semua pernyataan (rujuk Jadual 4.1, perkara B1 hingga B12) yang diberikan berdasarkan 5 skala *Likert*, seperti dinyatakan dalam Jadual 4.2. Jadual 4.7 berikut menunjukkan nilai purata (*mean score*) yang diperolehi untuk setiap pernyataan berdasarkan jawapan dari 50 orang responden B40.

Jadual 8 : Nilai purata setiap pernyataan dan nilai purata keseluruhan dalam Bahagian B: Kefahaman Hukum Jual Beli Secara Hutang Dalam Islam

Bil.	Pernyataan	Nilai Purata
B1.	Pembelian secara hutang dengan mengenakan kadar faedah adalah dibenarkan syarak.	2.30
B2.	Pembelian secara ansuran adalah dibenarkan oleh syarak.	3.96
B3.	Faedah yang dikenakan dalam pembelian secara hutang adalah dibenarkan syarak, sekiranya faedah tersebut berpatutan.	3.00
B4.	Penjual berhak mengenakan caj pengurusan kepada pembeli yang berhutang.	3.22
B5.	Penjual berhak mengurangkan harga (memberikan rebat) sekiranya pembeli membayar ansuran lebih awal.	3.78
B6.	Penjual berhak menarik balik barang yang dijual sekiranya pembeli gagal membayar dalam tempoh perjanjian.	3.96
B7.	Pembiayaan patuh syariah untuk orang Islam sahaja.	2.92
B8.	Barang diserahkan kepada pembeli sebaik sahaja penyelesaian bayaran penuh hutang.	3.14
B9.	Sepanjang tempoh bayaran ansuran, kerosakan barang ditanggung oleh penjual.	3.02
B10.	Sepanjang tempoh bayaran ansuran, kerosakan barang ditanggung oleh pembeli.	3.44

B11.	Kualiti barang yang dijual secara ansuran mesti dijamin oleh penjual.	4.30
B12.	Pembiayaan motor patuh syariah juga ditawarkan oleh koperasi.	3.94
Nilai Purata Keseluruhan		3.42

Nota: Nilai purata minimum: 1.00. Nilai purata maksimum: 5.00

Merujuk kepada Jadual 4.7, nilai purata keseluruhan ialah 3.42. Data ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden B40 mengenai hukum jual beli secara hutang dalam Islam berada ditahap sederhana.

KEFAHAMAN RESPONDEN B40 TERHADAP PERKHIDMATAN PEMBIAYAAN UNTUK URUSAN JUAL BELI MOTOSIKAL BERKUASA RENDAH

Responden B40 telah diminta untuk membaca, memahami, dan seterusnya menyatakan tahap persetujuan mereka terhadap semua pernyataan (rujuk Jadual 4.4, perkara C1 hingga C12) yang diberikan berdasarkan 5 skala Likert, seperti dinyatakan dalam Jadual 4.5.

Berdasarkan jawapan dari 50 orang responden B40, Jadual 4.8 berikut menunjukkan nilai purata (*mean score*) yang diperolehi untuk setiap pernyataan yang diberikan.

Jadual 9 : Nilai purata setiap pernyataan dan nilai purata keseluruhan untuk perkhidmatan pembiayaan urusan jual beli motosikal berkuasa rendah dikalangan responden B40

Bil.	Pernyataan	Nilai Purata
C1.	Terdapat lebih dari tiga sumber untuk mendapatkan perkhidmatan pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual-beli motosikal.	3.30
C2.	Pembeli berhak memilih pembiayaan patuh syariah atau pinjaman konvensional dalam urusan jual beli motosikal.	3.78
C3.	Maklumat lengkap berkaitan pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual beli motosikal mudah diperolehi.	3.32
C4.	Kadar keuntungan yang dikenakan oleh pembiayaan patuh syariah berbeza dengan kadar faedah yang dikenakan oleh pembiayaan konvensional.	3.82
C5.	Pembiayaan motor yang ditawarkan secara terus oleh semua kedai ("loan" kedai) berstatus "Patuh Syariah".	2.98
C6.	Pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual-beli motosikal lebih menjaga kepentingan pembeli berbanding pinjaman konvensional.	3.96
C7.	Pembiayaan jual-beli motosikal secara patuh syariah menjamin hak-hak pembeli dan penjual secara sama rata/ adil.	4.10
C8.	Pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual beli motosikal memberikan nilai tambah dari aspek penjimatan wang.	3.54
C9.	Proses mendapatkan kelulusan pembiayaan motosikal berkuasa rendah patuh syariah yang disediakan oleh pihak penjual adalah amat mudah.	3.18
C10.	Saya memahami sepenuhnya perbezaan diantara pembiayaan patuh syariah dan pinjaman konvensional dalam urusan jual beli motosikal.	3.50
C11.	Saya memilih pembiayaan patuh syariah kerana memahami hukum pinjaman berasaskan riba adalah haram.	4.34

- C12. Saya memahami semua syarat dan peraturan yang dinyatakan dalam perjanjian pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual beli motosikal. 3.68

Nilai Purata Keseluruhan 3.63

Nota: Nilai purata minimum: 1.00. Nilai purata maksimum: 5.00

Merujuk kepada Jadual 4.8, nilai purata keseluruhan ialah 3.63. Data ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden B40 terhadap perkhidmatan pembiayaan untuk urusan jual beli motosikal berkuasa rendah berada ditahap sederhana.

CADANGAN/ PENDAPAT RESPONDEN MENGENAI URUSAN JUAL BELI MOTOSIKAL BERKUASA RENDAH SECARA HUTANG

Seramai 53 orang responden, bersamaan dengan 51.88% daripada keseluruhan responden (106 orang), telah memberikan cadangan atau pendapat masing-masing di Bahagian D dalam borang soal selidik. Terdapat pelbagai maklumbalas yang diberikan. Kajian ini telah meneliti dan meringkaskan cadangan atau pendapat responden kepada tema berbeza, seperti yang terdapat dalam Jadual 4.9.

Jadual 10 : Cadangan atau komen dari responden mengenai urusan jual beli motosikal berkuasa rendah secara hutang

Bil.	Tema	Cadangan/ Pendapat Responden	Bilangan	Jumlah (Peratus)
1.	Pembeli hendaklah cekal berjuang hindari riba'	Pembelian tunai adalah yang terbaik. Jika tidak mampu, boleh berhutang, tetapi pilih kaedah pembiayaan patuh syariah yang diambil dalam tempoh masa yang singkat sahaja.	12	23 (43.4%)
		Pembeli perlu tegas mengelak urusan riba dalam jual beli motosikal. Hendaklah memilih urusan yang patuh syariah sahaja.	11	
2.	Perbaiki modus operandi pembiayaan jual beli motosikal	Penjual perlu membuka ruang perbincangan yang luas kepada pembeli bagi membolehkan pembeli membuat keputusan samada membeli secara tunai atau pembiayaan (hutang)	2	14 (26.4%)
		Penjual perlu mempunyai maklumat mengenai urusan pembiayaan patuh syariah dan mampu menerangkan dengan jelas kepada pembeli.	7	

		Kontrak pembiayaan jual beli motosikal patuh syariah hendaklah dengan jelas menggariskan syarat-syarat, kadar keuntungan, pihak yang menanggung risiko kemalangan/ bencana yang menimpa motosikal dan sebagainya.	5	
3.	Seruan kepada semua pihak memperkasakan kemudahan pembiayaan patuh syariah untuk jual beli motosikal berkuasa rendah	Buka ruang bantuan kepada pembeli motosikal dari kalangan B40. Peluang pembiayaan jual beli dengan jumlah ansuran berpatutan akan memudahkan pembeli memiliki motosikal	3	
		Semua pihak, iaitu kerajaan, penjual, dan pembeli perlu menyokong produk pembiayaan patuh syariah dalam urusan jual beli motosikal dan menyebar luaskan maklumat mengenainya	8	11 (20.8%)
4.	Cadangan Penyelesaian Pijaman Berasaskan Riba'	Wujudkan panel syariah berkaitan urusan pembiayaan jual beli motosikal berkuasa rendah. Mekanisma pemantauan hendaklah diwujudkan.	1	
		Usaha hindari <i>riba</i> . Pembeli boleh membeli secara tunai motosikal terpakai yang lebih murah.	2	5 (9.4%)
		Pihak bank komersil perlu menawarkan pembiayaan mikro patuh syariah untuk urusan jual beli motosikal berkuasa rendah	2	
Jumlah Cadangan/ Pendapat Responden			53	53

4.5 DAPATAN KAJIAN

Berikut disenaraikan dapatan kajian ini, yang dibuat berdasarkan analisis data menggunakan perisian *Google Form*, *Microsoft Excel*, dan *SPSS*:

- a. Objektif kajian untuk mengukur tahap kefahaman dan sambutan masyarakat B40 terhadap skim pembiayaan motosikal berkuasa rendah di kedai motor adalah berjaya dicapai. Pengukuran yang dibuat adalah berdasarkan data yang diperolehi berkaitan dengan; (i) hukum jual-beli motosikal berkuasa rendah secara hutang dalam Islam; dan (ii) produk/ perkhidmatan pembiayaan jual-beli motosikal berkuasa rendah.

- b. Tahap kefahaman orang ramai, terutamanya melibatkan masyarakat B40, mengenai hukum jual-beli motosikal berkuasa rendah secara hutang dalam Islam adalah masih di peringkat sederhana. Ini dibuktikan dengan nilai purata keseluruhan yang diperoleh oleh semua pernyataan di Jadual 4.3 (3.37 daripada 5.00) dan Jadual 4.7 (3.42 daripada 5.00).
- c. Sehubungan itu, pelbagai aktiviti penerangan dan perkongsian maklumat mengenai hukum jual-beli motosikal berkuasa rendah secara hutang dalam Islam dan hendaklah diadakan dari semasa ke semasa oleh pihak yang berwajib.
- d. Tahap kefahaman orang ramai, terutamanya melibatkan masyarakat B40, mengenai produk/ perkhidmatan pembiayaan jual-beli patuh syariah motosikal berkuasa rendah juga adalah masih di peringkat sederhana. Ini dibuktikan dengan nilai purata keseluruhan yang diperoleh oleh semua pernyataan di Jadual 4.6 (3.63 daripada 5.00) dan Jadual 4.8 (nilai yang sama, iaitu 3.63 daripada 5.00).
- e. Berkenaan dengan tahap kefahaman yang sederhana, terutamanya melibatkan masyarakat B40, berkaitan produk/ perkhidmatan pembiayaan jual-beli patuh syariah motosikal berkuasa rendah, hal ini berkemungkinan besar disebabkan oleh kurangnya produk pembiayaan patuh syariah yang ditawarkan oleh penjual motosikal berkuasa rendah.

KESIMPULAN

Kajian ini berjaya menilai tahap pemahaman masyarakat terutamanya pemilik motosikal, mengenai hukum jual beli motosikal secara hutang. Dapatan menunjukkan bahawa pemahaman mereka tentang aspek-aspek hukum yang terlibat berada pada peringkat sederhana. Mereka kekurangan kesedaran yang jelas mengenai transaksi hutang tersebut dilakukan dengan mematuhi prinsip-prinsip syariah atau berdasarkan keperluan mendesak, sambil menganggapnya sebagai satu keperluan yang perlu dipenuhi.

Selain itu, kajian ini juga berjaya menilai pemahaman masyarakat tentang produk-produk pembiayaan motosikal berkuasa rendah yang mematuhi prinsip syariah yang sudah ada di pasaran. Pemahaman mereka terhadap perkara ini juga berada pada peringkat sederhana. Keadaan ini berpunca daripada kekurangan penawaran produk pembiayaan motosikal berkuasa rendah yang mematuhi syariah, sementara terdapat pelbagai penawaran produk pembiayaan konvensional dan perkhidmatan hutang yang ditawarkan oleh kedai motosikal.

RUJUKAN

- Rahman, A. A. (2010). Bay' Al-Tawarruq Dan Aplikasinya Dalam. *Jurnal Syariah*, Jil. 18, Bil. 2, 333-360.
- Asyraf Wajdi Dusuki & Irwani Nurdianawati Abdullah. 2014. *Fundamentals of Islamic Banking*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Zakaria, M. U., & Ghani, A. M. (2015). Pembiayaan Kenderaan Berkonsepkan Al-Ijarah Thumma Al-Bay' (Aitab) Di Bank Muamalat Malaysia Bhd Dan Isu-Isu Berkaitan. *Jurnal Syariah*, Jil. 23, Bil. 3, 435-476.
- Financial Faiz. (2024). *Cara terbaik untuk beli motor? (Consumer) pakai cash atau loan kedai?* [YouTube]. https://www.youtube.com/watch?v=_NyzlCQDi-M
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2023, March 23). *Diskusi penyelidikan isu-isu muamalat Siri 1/2023: Penggunaan e-wallet - Adakah ia patuh syariah?* JAKIM. Dipetik dari June 5, 2024, <https://www.islam.gov.my/ms/berita/3632-diskusi-penyelidikan-isu-isu-muamalat-siri-1-2023-penggunaan-e-wallet-adakah-ia-patuh-syariah>
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (2022). *Suku Kaum Orang Asli Semenanjung Malaysia*. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Dipetik dari June 5, 2024, <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/suku-kaum/>
- Tomljenovic, R., & Marusic, Z. (2010). Guide to Croatian cultural and sports events evaluation. *Research News*, 58(1), 74-76.
- TV9 Malaysia Official. (2022). *Tanyalah Ustaz - Riba (Bahagian 1)* [YouTube]. https://www.youtube.com/watch?v=oMbf4_6TA-M
- Ustaz Azhar Idrus Official. (2022). *Haram beli motor dan kereta ada unsur riba?* [YouTube]. https://www.youtube.com/watch?v=e_ItJaYvZok
- Koperasi Muslimin (10 October, 2023). Pembiayaan motosikal. Dipetik dari muslimin.coop: <https://muslimin.coop/pembiayaan-motosikal/>
- JCL (5 October, 2023). Product financing. Dipetik dari jcl.my: <https://jcl.my/services/product-financing/>
- Parkson Credit (5 october, 2023). Ideal HP. Dipetik dari parksoncredit.com.my: <https://www.parksoncredit.com.my/>
- Chailease Berjaya (5 october, 2023). Your next motobike awaits. Dipetik dari chailease.com.my: <https://www.chailease.com.my/services/motorbike-loan/>
- Aeon Credit Service (5 October, 2023). Motorcycle Financing HP-i. Dipetik dari myaeoncredit.com.my: <https://myaeoncredit.com.my/financing/motorcycle-financing/>

Koperasi TNB (5 October, 2023). Dipetik dari koptnb.com:
<https://koptnb.com/index.html#portfolio>

Chong Motor (6 October, 2023). About Us. Dipetik dari chongmotor.my:
<https://www.chongmotor.my/>

Tenaga Motor (6 October, 2023). Dipetik dari tenagamotor.com.my:
<https://tenagamotor.com.my/>

Bank Muamalat (5 Januari 2024, 2024).Cash-I Muamalat Motorcycle. Dipetik dari muamalat.com:
https://www.muamalat.com.my/downloads/consumer-banking/Cash-i_Muamalat_Motorcycle.pdf

Bank Rakyat (5 Januari, 2024).Produk peribadi – Pembiayaan Kenderaan-I Motosikal berkuasa rendah. Dipetik dari bankrakyat.com:
https://www.bankrakyat.com.my/c/perbankan/pembiayaan_i/pembiayaan_kenderaan_i_motosikal_berkuasa_rendah-24/auto

Bank Rakyat. (2022). Produk perniagaan – Konsep Syariah. Dipetik dari bankrakyat.com.my:
https://www.bankrakyat.com.my/c/perniagaan/konsep_shariah_b/konsep_shariah-7

CHJ Motors. (7 October, 2023). Motosikal. Dipetik dari chinhin.com:
<https://www.chinhin.com/shop/motorcycle>